



■ TAN SRI CHONG
HON NYAN

Paip pecah dibaiki hari ini

MACHANG, Jumaat — Bahagian Kerja Air Jabatan Kerjaraya di sini akan membaiki segera batang paip pecah di Lorong Tengku Yaacob di Bandar Lama, esok, berikutan tersiarnya berita mengenai perkara itu dalam akhbar ini kelmarin.

Seorang jurucakap JKR ketika dihubungi berkata, pihaknya akan memasang batang paip baru bagi menggantikan yang lama.

Menurut beliau, masalah yang dihadapi oleh penduduk di situ tidak akan berlaku lagi bila batang paip baru dapat digunakan sepenuhnya.

Bellau juga memberi jaminan masalah kekurangan bekalan air di kawasan itu tidak akan berlaku lagi dengan pemasangan batang-batang paip baru itu.

Penduduk yang terlibat menyambut baik jaminan yang diberikan oleh JKR itu.

Jaminan Menteri: Galakan pada penderma darah akan dibincang

KUALA LUMPUR, Jumaat — Menteri Kesihatan, Tan Sri Chong Hon Nyan memberi jaminan beliau akan berbincang dengan pegawai-pegawai kementerianya mengenai pemberian sedikit galakan kepada penderma-penderma darah dan mengadakan semula pemberian pingat-pingat kepada mereka.

Bellau berkata demikian semasa bertemu dengan penderma-penderma darah di Pusat Perkhidmatan Darah, Hospitaf Besar di sini semalam.

Menteri tersebut, sebelum itu telah mendengar taklimat mengenai pusat itu dari Pengarahnya, Dr. C. A. Lopez.

Bellau juga menghabiskan masa kira-kira dua jam melawat makmal, bahagian kaji darah, pusat perkhidmatan darah dan lain-lain.

Menurut Encik Charles Rosario, 53 tahun, yang telah menderma darah 89 kali (orang yang terbanyak sekali menderma darah di Malaysia), sekurangnya pihak berkenaan mengadakan semula pemberian

pingat-pingat emas yang telah diberhentikan semenjak tahun 1975.

Penderma-penderma yang layak menerima pingat-pingat pada tahun itu hanya menerima pingat emas itu pada tahun 1978.

Encik Hasilman Hassan yang telah menderma 44 kali dan Encik Abdul Rashid Pa' Wan Chik yang menderma 48 kali juga menyuarakan ketidak puasan hati mereka.

Menurut mereka, penderma seperti mereka mempunyai galakan, iaitu potongan 50 peratus sekiranya mereka dimasukkan ke hospital.

Ikhlas

Bagalmanapun, ini tidak dapat dirasai oleh keluarga mereka.

Setakat ini, mereka yang menderma 1 hingga 15 kali dikecualikan sepenuhnya dari membayar di wad kelas dua dalam tempoh 4 bulan selepas menderma darah kali terakhir dan pesakit luar percuma dalam tempoh masa yang sama.

Penderma-penderma yang menderma darah 16 hingga 40 kali juga menerima galakan seperti di atas dan selepas itu setengah bayaran di wad kelas dua dan rawatan pesakit luar percuma dalam tiga tahun selepas menderma kali terakhir itu.

Seorang pegawai Kementerian Kesihatan berkata, sepatutnya masalah rayuan penderma-penderma lama tersebut tidak dijadikan satu isu besar.

Katanya, masyarakat sepatutnya menderma secara ikhlas tanpa mengharapkan galakan daripada pihak kerajaan.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia